

# Malaysia dalam kedudukan baik jadi orang tengah

BANGKOK 13 Feb. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia berada pada kedudukan baik untuk menjadi orang tengah membantu Thailand berunding dengan kumpulan pemisah di selatan Thai yang bergolak.

Perdana Menteri berkata, Malaysia mempunyai kemampuan dan kebolehan dalam hal ini kerana ia memahami situasi berkenaan dengan kerajaan Thailand.

“Di samping itu, kumpulan ini (pemisah) kita kenali, dalam erti kata mereka orang Islam, keturunan Melayu dan Malaysia mempunyai hubungan baik dengan Thailand,” katanya pada sidang akhbar dengan wartawan Malaysia pada akhir lawatan beliau ke Thailand.

Beliau berlepas pulang pagi ini ke Kuala Lumpur setelah mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya Surayud Chulanont di Phuket pada Ahad dan di sini semalam, dengan perbincangan banyak tertumpu pada isu selatan.

Hampir 2,000 orang terbunuh dalam keganasan di wilayah Yala, Pattani dan Narathiwat yang majoriti penduduknya orang Islam sejak tiga tahun lepas dan ia masih berterusan walaupun Surayud mengambil beberapa langkah memulihkan keadaan.

Ditanya sama ada Thailand telah meminta Malaysia menjadi orang tengah dengan kumpulan pemisah, Abdullah berkata, kerajaan negara itu akan mengemukakan permintaan itu secara formal.

Katanya, antara langkah bersama yang telah diambil untuk mengatasi masalah keganasan itu ialah isu dua kerakyatan di mana kedua-dua negara telah mengemukakan masing-masing 500 nama dan mak-

lumat biometrik minggu lepas untuk mengesan mereka yang mempunyai kerakyatan di Thailand dan Malaysia.

Ia mengandungi maklumat biometrik rakyat kedua-dua negara di kawasan sempadan dan proses pengesanan menggunakan teknologi canggih dijangka mengambil masa seminggu.

Abdullah berkata, walaupun penyelesaian isu dua kerakyatan itu boleh membantu, ia hanyalah satu daripada faktor yang boleh membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Ditanya kemungkinan langkah bersama yang dipersetujui dengan pentadbiran Surayud tidak akan diteruskan oleh kerajaan baru di masa depan, Abdullah berkata, beliau yakin sebarang keputusan yang baik, yang dapat membantu menyelesaikan masalah, akan diteruskan.

“Tentulah tindakan yang akan diambil itu tindakan jangka panjang yang perlu diteruskan.

“Jadi saya tak nampak kalaulah kerajaan lain nak buat perubahan sedangkan perkara itu berjalan dengan baik,” kata Abdullah.

Surayud, yang menjadi perdana menteri Thai selepas Thaksin Shinawatra digulingkan dalam satu rampasan kuasa September tahun lepas, akan melepaskan jawatan hujung tahun ini selepas pilihan raya baru diadakan.

Mengenai kemungkinan Malaysia dipersalahkan jika keganasan di selatan Thai berterusan, Abdullah berkata, walaupun Malaysia mengemukakan pandangan dan cadangan, ia masih perlu dipersetujui oleh Thailand dan pelaksanaannya juga bergantung kepada mereka.


Beliau berkata, Surayud telah menun-

jukan kesungguhan untuk membawa penyelesaian situasi di selatan Thai dan bersedia mendengar cadangan dan cara bagaimana Malaysia boleh membantu.

Mengenai permintaan Surayud supaya

lebih banyak syarikat Malaysia melabur di kawasan sempadan itu, Abdullah berkata, beliau yakin pelabur sedia berbuat demikian jika ada peluang.

– Bernama



**TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak menyampaikan Anugerah Pengguna SPP II Terbaik peringkat Kementerian kepada Setiausaha Bahagian Dasar Saraan, Kementerian**

**Kewangan, Omar Kaseh pada majlis Makan Malam Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri di Hotel Equatorial, Kuala Lumpur, semalam.**